

14/05/1997

Bakun projek nasional (HL)

Kamal Ahmad; Azizi Othman

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, pembinaan empangan elektrik hidro Bakun bernilai RM15.5 bilion di Sarawak adalah projek nasional dan kerana itu, kerajaan akan memastikan ia siap demi kepentingan masa depan negara.

Perdana Menteri memberi jaminan, kerajaan akan memberi segala sokongan untuk memastikan Empangan Bakun siap dan beroperasi pada 2003 walaupun usaha memburuk-burukkan projek itu oleh pihak luar yang mahu melihatnya gagal, masih diteruskan.

Pada masa yang sama, kerajaan juga akan memastikan 40 peratus kontrak projek itu diberi kepada syarikat tempatan, malah akan menambahnya jika mereka mempunyai keupayaan.

Dr Mahathir terpaksa menegaskan perkara itu kerana ada anggapan Bakun ialah projek swasta dan tidak ada kena mengena dengan kerajaan.

"Ia adalah projek nasional. Kita akan pastikan projek ini siap. Kerajaan sentiasa menyokong penuh keseluruhan projek ini," katanya pada sidang akhbar selepas menyaksikan majlis menandatangani Perjanjian Penanggungangan antara Bakun Hydro-Electric Corporation Berhad (BHEC) dengan 54 institusi kewangan, diketuai Commerce International Merchant Bankers Berhad (CIMB), di sini hari ini.

Turut hadir ialah Menteri Kerjaraya, Datuk Seri S Samy Vellu, Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie serta Pengerusi Eksekutif BHEC, Tan Sri Ting Pek Khiing.

Perjanjian penanggungangan itu membabitkan 375 juta saham biasa BHEC berharga RM1 seunit yang akan ditawarkan kepada pelabur tempatan dan asing pada harga RM2 seunit.

Sebelum ini, BHEC sudah melaksanakan terbitan khas 1.125 bilion pada RM2 seunit kepada lima pemegang saham utamanya iaitu Kerajaan Sarawak, Khazanah Nasional Berhad, Sarawak Electricity Supply Corporation, Tenaga Nasional Berhad dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

Keseluruhan RM3 bilion unjuran terbitan awam dan khas itu akan mengunjurkan perolehan RM3 bilion kepada BHEC yang akan digunakan bagi membiayai sebahagian Projek Bakun.

Prospektus penyenaaraan BHEC dijangka diterbitkan akhir bulan ini dan pengapungannya di Papan Utama Bursa Saham Kuala Lumpur dijadual pada akhir Julai atau selewat-lewatnya awal Ogos ini.

Setakat ini, 2,400 syarikat tempatan berdaftar dengan Ekran Berhad untuk melaksanakan 40 peratus kontrak projek dan pemilihannya akan dibuat secara tender terbuka.

Dr Mahathir berkata, projek Bakun menerima nasib serupa dengan projek gergasi lain seperti pembinaan Lebuhraya Utara Selatan iaitu menerima pelbagai tanggapan negatif.

"Biasanya ada pihak yang kalau kita buat apapun, dia suka kata tidak boleh jadi. Untuk memastikan ini tidak terlaksana, mereka akan menulis pelbagai laporan negatif. Mereka terus-menerus mengatakan projek ini tidak baik dan tidak menguntungkan. Jadi orang tidak akan melabur. Apabila orang tidak melabur maka sudah tentu ia menjadi projek yang gagal.

"Kemudian mereka berkata, 'lihatlah saya dah kata (ia akan gagal)'. Mereka sebenarnya tidak minat dengan apa yang kita hendak laksanakan untuk kepentingan rakyat. Mereka hanya minat pada agenda mereka," katanya.

Perdana Menteri turut ditanya oleh wartawan asing mengapa ada keputusan membina kabel dasar laut sepanjang 670 kilometer sedangkan projek seperti

itu tidak pernah dilakukan oleh mana-mana pihak sebelum ini.

Beliau menjawab: "Kita melakukan banyak perkara yang orang lain tidak cuba dan ia berjaya. Kami tahu apa yang dilakukan dan membuat keputusan untuk membina 670 kilometer kabel bawah laut selepas kajian terperinci dan mendapat jaminan jurutera. Oleh itu, kita dilaksanakan."

Projek Bakun yang dilaksanakan melalui kaedah bina-kendali-pindah (BOT) membabitkan kawasan tadahan air 1.5 juta hektar dan berupaya membekalkan 2,520 megawatt kuasa elektrik. Sebahagiannya akan disalurkan melalui kabel dasar laut sepanjang 670 kilometer dari Sarawak ke Teluk Tenggara, Johor.

Berucap sebelum majlis menandatangani perjanjian itu, Dr Mahathir berkata kerajaan mahu projek Bakun dilaksanakan secepat mungkin supaya pemajunya tidak menanggung kenaikan kos jika ia lewat disiapkan.

(END)